

FARIDAH IBRAHIM

Falsafah dan Etika Kewartawanan Di Malaysia: Antara Tuntutan Profesionalisme dan Kepentingan Industri

Pengenalan

Apakah kerjaya wartawan dan para pengamal media lain boleh dikategorikan sebagai suatu profesion dan ahli-ahlinya dianggap golongan professional? Rata-rata kedengaran kritikan bahawa kerjaya dalam bidang ini bukanlah suatu profesion. Namun tanggapan ini dibantah oleh wartawan dan para pengamal media lain. Mereka mengatakan bahawa mereka mempunyai ciri-ciri yang meletakkan bidang media ini sebagai suatu profesion. Antara faktor-faktor yang dituntut dalam profesionalisme seperti kelayakan dan pendidikan serta melakukan kerja berpandukan garis panduan etika wujud dalam profesion ini.

Greenwood (1964) mengatakan bagi menggelar sesuatu kerjaya sebagai profesion ia perlu mempunyai kriteria seperti kewibawaan, kod etika, teori yang sistematik, kebebasan dari masyarakat serta faktor budaya. Seseorang wartawan professional perlu menjaga kewibawaannya agar sentiasa dihormati orang dan ini diperolehi melalui usahanya meningkatkan kepakaran dan pengetahuannya dalam bidang-bidang tertentu. Selain itu, pengetahuan mereka perlu berasaskan pendekatan teori yang dipelajari secara sistematik dan formal di institut pengajian tinggi. Manakala golongan profesional ini didorong berkhidmat secara jujur serta altruistik, dan berpandukan suatu kod etika dan bukan atas

dasar kepentingan material atau ekonomi.

Walaupun keperluan ini begitu ideal, rata-rata wartawan berusaha untuk mencapai keadaan ini (Faridah Ibrahim, K.E. Choong dan J.L. Ler 2001). Didapati, walaupun pendapatan yang diperolehi tidak setimpal dengan pekerjaan yang dilakukan (*lihat* Faridah Ibrahim 1995) masih ramai tenaga lama yang mahu kekal dalam bidang ini manakala tenaga muda berminat menyertai bidang kewartawanan sama ada dalam industri media cetak, siaran atau dalam talian. Industri media pula menuntut tahap profesionalisme yang tinggi di kalangan wartawan mereka ini demi imej, kredibiliti dan kemandirian industri dan profesion media.

Pengertian Profesionalisme

Profesionalisme wartawan boleh dilihat dari sudut pandangan Nayman (1973) yang mengatakan seseorang profesional perlu mempunyai empat ciri penting iaitu kepakaran, iltizam, autonomi dan tanggungjawab. Kepakaran dalam bidang kewartawanan diperolehi melalui pelbagai cara iaitu dengan mengikuti pendidikan dan latihan formal di institusi pengajian tinggi dalam program komunikasi dan media massa serta program lain yang relevan dan juga melalui *on-the-job training* di organisasi media. Manakala iltizam (komitmen) memerlukan wartawan memberi tumpuan kepada profesionnya tanpa mengira waktu, kewangan atau pun penat-lelah. Walaupun kebebasan wartawan agak terbatas, mereka masih diberi peluang untuk menulis berita dan rencana dengan cara yang menarik dan kreatif.

Di samping itu, wartawan sedar bahawa penulisan mereka dapat membentuk dan mempengaruhi fikiran khalayak. Atas kelebihan itu, wartawan sedar bahawa mereka perlu akur kepada etika kewartawanan dan menjalankan tugas mereka dengan berhati-hati lagi.

Secara global, pengamal media rata-rata mendakwa bahawa mereka adalah ahli profesional dan bidang tugas yang dijalankan mengikut lunas-lunas profesional. Sarjana sains sosial, Carr-Saunders dan Wilson (1953) mengatakan bahawa sesuatu profesion wujud berdasarkan pengajian intelektual dan latihan yang khusus yang bertujuan memberi khidmat dan nasihat kepakaran yang berbayar sama ada melalui gaji atau yuran yang ditetapkan.

Selain itu, seseorang yang dikatakan profesional juga perlu mempunyai ciri-ciri tertentu. Salah satu yang sering diutarakan ialah kelayakan dan pendidikan. Ilmu pendidikan seseorang itu pula perlulah melalui tempoh masa yang panjang dan seelok-eloknya diperolehi di universiti atau kolej (*lihat Leggart 1970*).

Dari segi tuntutan sosial dalam profesionalisme ini pula, seseorang ahli profesional didorong untuk berkhidmat secara jujur serta altruistik dan bukan kerana kepentingan material atau ekonomi. Kewujudan ahli profesional sebagai warga organisasi adalah semata-mata untuk berkhidmat dan membuat kebajikan demi kesenangan orang lain. Kemungkinan tuntutan ini adalah sesuatu yang ideal dan tahapnya pasti berbeza-beza bagi satu-satu profesion.

Selain itu, pengambilan pekerja profesional perlu dilakukan secara teliti dengan mengambil kira latar belakang pendidikan, latihan, pengalaman serta perwatakan yang sesuai dan performansnya pula perlu diukur berdasarkan standard atau piawai yang ditentukan. Sealiran dengan piawai ini, perlu juga diwujudkan kod etika yang boleh dikuatkuasakan yang bertujuan untuk mendisiplinkan ahli-ahli profesional ini.

Ini menunjukkan bahawa mereka yang dikatakan ahli profesional perlu mempunyai berbagai-bagai ciri yang antaranya ialah latar belakang ilmu dan latihan khusus dalam profesion yang diceburi agar segala aktiviti dalam sesuatu profesion itu dapat dilaksanakan secara mahir dan sistematik. Dalam konteks ini, persoalan yang perlu dikemukakan apakah semua pengamal media adalah terlatih dan mempunyai latar belakang ilmu yang dituntut? Apakah mereka yang menyertai organisasi media ini mempunyai pendidikan dalam bidang yang diceburi? Sejauh manakah para pengamal ini mempertahankan ciri-ciri profesionalisme ini?

Sebenarnya apakah yang dimaksudkan dengan profesion dan profesionalisme ini? Menurut Turner & Hodge (1970) beberapa faktor yang membentuk sesuatu profesion dan membezakannya dengan pekerjaan ialah faktor kecekapan, ilmu pengetahuan, kesedaran diri serta kriteria ukuran. Tanpa faktor-faktor yang digariskan ini, sesuatu bidang kerjaya mungkin tidak boleh dikategorikan sebagai profesion.

Selain itu, bidang pekerjaan yang dianggap bertaraf profesion memerlukan para pengamal berkumpul dan menubuhkan persatuan. Melalui persatuan pula para

pengamal akan berusaha mempertingkatkan status profesion melalui beberapa garis panduan, antaranya ialah kod etika tingkah laku. Mereka yang melanggar garis panduan ini akan disingkirkan atau dikenakan tindakan disiplin. Namun dalam media, pelanggaran kod oleh pengamal sering kali tidak disusuli dengan tindakan. Perkara ini berlaku disebabkan beberapa faktor antaranya aspek penguatkuasaan, kesedaran tentang etika, ruang lingkup kuasa dan bidang tugas serta komitmen atau iltizam.

Faridah Ibrahim, Mohd Rajib Ab Gani dan Mohd Adnan Hashim (2000) mendapati bahawa walaupun kod etika kewartawanan sudah lama diperkenalkan di bilik-bilik berita organisasi media di negara ini, namun aspek penguatkuasaannya masih longgar. Malah pengetahuan tentang kod etika tidak disampaikan secara lantang oleh pihak pengurusan bilik berita. Para wartawan, misalnya, diharap dapat mempelajarinya dengan sendiri dan mematuhi. Sejalan dengan ini juga, Mus Chairil Samani (2000) menyatakan bahawa para petugas media tidak diwajibkan mengetahui kod etika. Malah Tatasusila Kewartawanan Malaysia tidak menggariskan tindakan yang boleh diambil terhadap mereka yang melanggar peruntukan etika tersebut.

Disebabkan kurang kesedaran terhadap kepentingan etika, maka banyak bidang tugas dan ruang lingkup kuasa wartawan tidak diketahui dengan jelas. Ketakjelasan ini juga membuat petugas media kurang berkesan dalam menjalankan tanggungjawab mereka. Menurut Schmidt dan Posner (1982) pengetahuan tentang etika mempunyai kecenderungan untuk menentukan dan menggalakkan perbuatan yang betul dan sesuai.

Manakala komitmen petugas media tidak kira wartawan, pengamal perhubungan awam mahu pun pengamal periklanan, akan membawa individu-individu ini lebih berusaha untuk mengenal pisa ruang lingkup dan peluang untuk mereka mengekalkan tahap profesionalisme yang dituntut oleh profesion masing-masing. Komitmen membuat seseorang itu bangga serta taat terhadap profesionnya dan akan mendorongnya berusaha memartabatkan profesion tersebut.

Menurut Inkeles pula (dalam Asiah Sarji, Faridah Ibrahim & Mazni Buyong 1999) seseorang yang profesional juga mempunyai ciri-ciri pengurusan seperti rancangan masa

depan, sentiasa menepati masa, mengendali urusan peribadi dan kerjaya secara berkesan. Inkeles berpendapat pendidikan dan ilmu pengetahuan adalah kunci ke arah profesionalisme. Dalam hubungan ini, McLeod dan Hawley (1964) yang banyak membuat kajian mengenai profesionalisme mengutarakan beberapa ukuran profesionalisme yang mampu memperjelaskan tahap profesionalisme seseorang pengamal secara saintifik. Antara ukuran profesionalisme mereka adalah penyertaan dalam proses buat keputusan; peluang berkarya, mempelajari kemahiran serta pengetahuan baru; menggunakan kemahiran dan latihan yang dimiliki; peluang meningkat dalam profesion; autonomi; mempunyai rakan sekerja yang cekap; dihargai oleh penyelia, bebas daripada pengawasan dan beberapa faktor lagi.

Justeru, profesionalisme dilihat sebagai kriteria penting yang menonjolkan keunikan, mutu serta identiti pengamal dalam sesuatu profesion. Barber (dalam Jackson 1970: 8) mengenal pasti empat ciri penting yang perlu ada dalam sesuatu tingkah laku professional iaitu ilmu, orientasi terhadap kepentingan masyarakat, kod etika serta ganjaran yang diperolehi melalui pencapaian tugas.

Etika dan Profesionalisme

Kita dapati bahawa setiap profesion yang wujud pasti telah membentuk suatu budaya, satu set undang-undang serta mod pembelajaran sebagai panduan kepada para pengamal. Kita juga dapati bahawa kod etika merupakan suatu tuntutan dalam sebarang definisi profesionalisme yang telah diutarakan oleh para sarjana. Ini memberi implikasi bahawa profesionalisme lebih mudah difahami dari sudut falsafah etika yang sering dijadikan landasan moral untuk para pengamal menilai antara yang baik daripada yang tidak baik.

Dalam kerjaya media, profesionalisme wartawan, penyiar, pengamal perhubungan awam, pengamal periklanan, pengamal perfileman dan sebagainya dinilai berdasarkan tanggungjawab sosialnya, mutu perkhidmatan serta tingkah laku yang beretika. Seseorang wartawan atau pengamal periklanan yang profesional akan sentiasa mencari peluang untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran demi memperbaiki diri sendiri agar dapat menyampaikan khidmat yang terbaik.

Para pengamal ini perlu sentiasa beroperasi berdasarkan

landasan etika yang ditetapkan oleh organisasi dan profesion masing-masing agar mereka dapat mendakwa bahawa mereka adalah pengamal media yang beretika. Amalan beretika memberi implikasi bahawa seseorang pengamal media itu bertanggungjawab, berdisiplin dan mempunyai kredibiliti yang tinggi sebagai penyampai dan pembekal maklumat.

Apakah etika kewartawanan? Etika adalah suatu garis panduan moral dalam hidup manusia mengenai apa yang betul dan apa yang salah. Seringkali etika berkecenderungan untuk menentukan dan menggalakkan perbuatan yang betul. Etika juga berkait rapat dengan nilai yang ada pada diri seseorang. Secara tidak langsung, nilai ini dikatakan kuasa senyap yang mampu mempengaruhi individu dalam tindak-tanduknya. Dalam erti kata lain, etika yang berhubung rapat dengan nilai, sebenarnya wujud dalam fikiran manusia yang bertanggungjawab. Ini kerana sesuatu etika tidak kira etika guru dan sebagainya adalah berasaskan falsafah kebenaran, tanggungjawab dan kejujuran. Seseorang yang bertanggungjawab berupaya mengguna akal atau taakulan bagi menilai apa yang baik; apa yang tidak baik; apa yang sah dan apa yang tidak sah; apa yang benar dan apa yang dusta.

Etika kewartawanan seperti yang diketahui ramai berlandaskan kepada tanggungjawab dalam pemberitaan. Antara tanggungjawab yang diutamakan oleh para wartawan adalah laporan berita secara adil, setepat dan sejujur mungkin serta melindungi sumber-sumber berita dan menghormati kerahsiaan sesuatu maklumat. Ini merupakan antara faktor-faktor penting yang meletakkan wartawan sebagai golongan professional.

Tiga jenis etika kewartawanan yang sering diperkatakan oleh serjana kewartawanan masa kini ialah etika absolutis, antinomial dan situasionis (Merrill 1974:170; lihat Faridah Ibrahim dan Mus Chairil Samani 2000).

Dalam etika absolutis, prinsip-prinsip yang dipegang oleh seseorang wartawan itu menjadi garis panduan atau peraturan dan seterusnya dianggap sebagai perundangan atau sesuatu yang sah atau Legal. Atas dasar ini falsafah etika absolutis juga dikenali sebagai legalisme. Untuk golongan ini, sekiranya berbohong itu adalah perbuatan salah maka adalah menjadi satu kesalahan besar untuk berbohong. Sekiranya sesuatu berita itu menarik, semasa, penting, dan signifikan maka berita itu dianggap berita utama dan perlu dilaporkan

tanpa mengira kesannya kepada orang ramai. Falsafah ini lahir daripada pengaruh falsafah moral Kantian yang dipelopori oleh Immanuel Kant. Kant menekankan bahawa perbuatan seseorang itu lahir daripada niatnya – tidak kira sama ada perbuatannya itu membawa akibat yang negatif kepada orang lain asalkan niat itu baik.

Kita dapati banyak sistem kerajaan yang menggunakan falsafah Kantian ini. Sejarah pembangunan negara telah membuktikan bahawa setiap polisi pembangunan kerap kali mendapat tentangan daripada masyarakat yang mempunyai konsep pembangunan yang berbeza atau mereka yang tebal dengan ideologi lain. Namun, apa yang berlaku ialah pihak pemerintah walaupun mendapat tentangan daripada kumpulan pendesak akan tetap melaksanakan sesuatu sistem yang dirasakan dapat menolong dan membangunkan ekonomi negara. Isu bahasa Inggeris untuk mata pelajaran sains dan matematik adalah contoh dalam kategori ini, yang sedang hangat diperbincangkan di negara ini.

Golongan wartawan yang mengamalkan falsafah antinomian mempercayai bahawa falsafah yang berlandaskan fikiran bebas dan tidak memihak dalam tugas adalah baik kerana mereka boleh menjadi pihak pemantau yang paling baik untuk pentadbir negara. Mereka menjalankan tugas berdasarkan rasa hati dan apa yang dirasakan baik oleh mereka. Mereka tidak mempunyai konsep etika tetapi menggunakan naluri sebagai panduan. Mereka sanggup menyamar semata-mata untuk mencungkil perkara sebenar. Namun, keadaan ini yang menjadikan wartawan sebagai seorang anarkis, membuat falsafah tersebut tidak begitu popular di kalangan wartawan.

Manakala situasionis merupakan falsafah etika yang popular di kalangan wartawan dalam sistem negara yang demokrasi (Merrill dan Lowenstein dalam Faridah et al. 2000). Wartawan yang mengamalkan falsafah etika ini mempercayai bahawa mereka mempunyai asas untuk memaparkan kejadian yang benar dan objektif tanpa memihak. Justeru itu mereka beranggapan bahawa mereka perlu mencorakkan sesebuah berita demi kebenaran atau keselamatan diri mereka, orang ramai atau sesuatu pihak. Golongan wartawan ini sering juga digelar relativis. Andainya boleh digunakan istilah "bohong sunat" maka istilah ini amat sesuai dengan falsafah situasionis ini. Etika situasionis atau relativis ini berlandaskan emosi dan budi bicara serta faktor masa, tempat dan keadaan yang

berbeza. Golongan wartawan ini juga beranggapan bahawa adalah tidak wajar keputusan dibuat berdasarkan apa yang diamalkan oleh orang lain kerana cenderung kepada bias atau prejudis.

Tinjauan Susastera

Kajian mengenai etika kewartawanan bersifat kompleks dan tidak berkesudahan. Walau bagaimanapun kajian mengenai etika semakin meningkat dan hasil kajian menunjukkan kesedaran mengenai etika juga semakin meningkat di kalangan pengamal (*lihat* Faridah Ibrahim dan Mohd Rajib Ab Ghani 1966; Faridah Ibrahim dan Mus Chairil 2000). Kajian mengenai etika mulai bertapak di Amerika Syarikat di awal tahun 1920-an tatkala laporan bias dan tidak tepat berleluasa di negara itu. Di tahun 1970-an penyelidikan mengenai etika kewartawanan mulai berkembang berikutan kes skandal Watergate dan kes Janet Cooke yang kontroversial. Janet Cooke, wartawan akhbar ternama Washington Post telah memenangi hadiah Pulitzer dalam kategori rencana. Hadiah yang diterima oleh beliau telah ditarik balik keesokan harinya disebabkan laporan yang ditulis oleh Cooke tentang penagih najis dadah berumur 8 tahun itu adalah rekaannya semata-mata.

Bermula dari saat itu, muncul beberapa media gergasi seperti Gannett, Poynter, Knight Ridder mulai menabur wang yang banyak kepada para penyelidik dan sarjana untuk menyelidik mengenai etika kewartawanan. Dalam tahun 1977, sebanyak 117 buah universiti di Amerika Syarikat menawarkan kursus etika kewartawanan atau etika media. Di peringkat tempatan hampir semua jabatan komunikasi dan pusat-pusat pengajian media dan komunikasi ada menawarkan kursus-kursus etika ataupun memasukkan komponen ilmu etika dalam kursus-kursus tertentu.

Sejak awal 70-an isu etika juga sering dikaitkan dengan isu profesionalisme. Ini kerana etika merupakan komponen penting dalam profesionalisme. Satu kajian yang dijalankan di awal mengenai pengamalan etika kewartawanan di kalangan wartawan tempatan mendapati bahawa walaupun kod etika kewartawanan telahpun diwujudkan oleh Kesatuan Kewartawanan Kebangsaan (NUJ) tetapi masih terdapat para editor dan wartawan tidak berapa berminat untuk meneliti

garis panduan etika. Data kajian ini juga menunjukkan bahawa wartawan tidak begitu mengambil berat melaksanakan tugas sebagai pelapor yang objektif (*lihat* Faridah et al. 2000). Namun di sekitar 1990-an, kajian mengenai etika dijalankan melalui penelitian objektiviti bahasa dalam laporan empat akhbar aliran perdana dan kajian mendapati kurang 25 peratus laporan tidak objektif dikesan (*lihat* Mohd Rajib Ab Ghani dan Faridah 1996). Kajian seterusnya dijalankan dalam tahun 2002 mengenai etika dan bahasa media dalam laporan berita empat akhbar aliran perdana dan kajian mendapati peratusan laporan tidak objektif telah menurun iaitu kurang 20 peratus (*lihat* Mohd Rajib Ab Ghani dan Faridah 2002). Kajian-kajian ini menunjukkan kesedaran tentang etika semakin meningkat. Dan ini penting dalam usaha para pengamal memartabatkan profesion kewartawanan.

Tren yang sama juga dapat dilihat dalam kajian luar negara. Kajian Boeyink (1994) mendapati bahawa pengamal media dalam organisasi yang besar dan mengedar akhbar lebih 20,000 naskah sehari, adalah lebih tinggi keprihatinannya terhadap isu etika. Joaquim Fidalgo (2002) juga mendapati peranan ombudsman (pemantau dalaman) penting dalam memastikan laporan berita berlandaskan etika. Manakala Josephi (2002) mendapati dari kajian kualitatifnya ke atas tujuh buah organisasi akhbar di kawasan Asia Pasifik, bahawa etika adalah panduan penting dalam usaha pengamal meningkatkan tahap profesionalisme mereka dan pemahaman etika perlu diterap dari peringkat universiti lagi dan semasa wartawan baru menyertai organisasi yakni di peringkat *entry-level*.

Hasil beberapa kajian dalam industri media yang dijalankan oleh para pengkaji tempatan dan antarabangsa juga mendapat bahawa pengamal yang dikaji lebih cenderung mengekalkan kepentingan beberapa ciri profesionalisme seperti autonomi, kepakaran, tanggungjawab, etika dan iltizam (*lihat* McLeod & Hawley 1964; Nayman 1973; Syed Arabi Idid 1986; Mohd Helmi A. Rahim & Lau Seng Yee 1992; Asiah Sarji, Faridah Ibrahim & Mazni Buyong 1999; Faridah Ibrahim, K.E. Choong dan J.L. Ler, 2000).

Dalam pengukuran profesionalisme berdasarkan Indeks Profesionalisme Hawley & McLeod (IPHM), item profesionalisme merangkumi beberapa faktor seperti peluang

berkarya, peluang mempengaruhi pemikiran publik dan buat keputusan, menggunakan kepakaran dan latihan, memperbaiki kepakaran professional, meningkat ilmu dan kepakaran, kebebasan menjalankan tugas, bekerja di sebuah organisasi yang dihormati rakan sekerja. Manakala item bukan profesionalisme merangkumi faktor seperti persoalan keselamatan di tempat kerja, keseronokan dalam menjalankan tugas, kepelbagaian tugas, pekerjaan yang berprestij dalam organisasi dan komuniti, peluang berhubungan dengan orang ternama.

JADUAL 1
Perbandingan
dari segi ciri
tugas dalam Item
Profesionalisme
di antara
wartawan dan
pengamal
periklanan
wanita

Item Profesionalisme/ Tahap Paling Setuju (%)	Wartawan N=83	Pengiklan N=70
Kemajuan dalam kerjaya professional	78.3	64.3
Peluang untuk berkarya secara kreatif/asli	60.2	57.1
Peluang mempelajari kemahiran dan pengetahuan baru	78.3	65.7
Menghargai kebolehan rakan sekerja	43.4	31.4
Peluang mempengaruhi pemikiran publik	34.9	47.1
Bekerja di organisasi terunggul dan ternama	20.5	45.7
Mempunyai pengaruh besar membuat keputusan	13.3	61.4
Bebas daripada pengawasan rapi	10.8	51.4
Pekerjaan yang bernilai dan penting dalam masyarakat	34.9	54.3
Penggunaan sepenuhnya kebolehan dan latihan	78.3	52.9
Penyelia menghargai usaha staf	63.9	62.9

Sumber: Faridah Ibrahim, K.E. Choong dan J.L. Ler. 2002. Profesionalisme dan wanita: Suatu perbandingan antara pengamal periklanan dan wartawan. *Jurnal Komunikasi*, Jilid 16, ms 186.

Dalam suatu kajian profesionalisme (lihat Faridah et al. 2000) ke atas wartawan dan pengamal pengiklanan wanita, kajian mendapati bahawa golongan wartawan terutamanya wanita lebih cenderung ke arah menggunakan ilmu dan pengalaman untuk meningkatkan performans mereka dan juga meningkat dalam kerjaya mereka berbanding dengan pengamal periklanan wanita. Keadaan ini berleluasa di kalangan wartawan wanita yang dikaji walaupun hasrat untuk

meningkat dalam kerjaya dan meningkatkan tahap profesionalisme melalui latihan dilakukan dalam keadaan autonomi yang agak terbatas. Bagi pengamal periklanan pula, soal autonomi tidak menjadi masalah utama kerana mereka bebas dari pengawasan rapi ketua dan mereka mempunyai pengaruh besar untuk membuat keputusan (secara terperinci sila lihat Jadual 1).

Menyentuh mengenai autonomi dalam kewartawanan di negara ini, wartawan veteran A. Samad Ismail (1991) pernah menyatakan bahawa kebebasan di negara ini wujud dalam perspektif yang agak berbeza. Katanya, pihak wartawan diberi kebebasan untuk bersuara tetapi hak bersuara itu perlu dilakukan secara berhati-hati dengan mengimbangi kepentingan rakyat serta negara. Justeru, banyak keputusan di bilik berita terutamanya yang membabitkan pentadbiran kerajaan dan perundangan negara dilakukan oleh ketua-ketua serta pihak pengurusan di bilik berita.

Kaedah Kajian

Untuk mengetahui tahap pengamalan etika di kalangan pengamal media tempatan dalam konateks profesionalisme dan kepentingan industri media dan untuk mengemaskinikan data mengenai pengamalan etika, maka satu kajian berdasarkan temubual mendalam telah dijalankan di sekitar bulan September 2002, di organisasi akhbar sekitar Lembah Kelang. Kajian mengenai etika dan profesionalisme ini dijalankan ke atas tujuh orang pengamal media yang terdiri daripada Ketua Pengarang Kumpulan, Ketua Pengarang Berita dan Pengarang Eksekutif dari tujuh organisasi akhbar iaitu *New Straits Times*, *Berita Harian*, *Harian Metro*, *Utusan Melayu*, *Utusan Malaysia*, *Sin Chew Jit Poh* dan *Guang Ming Daily*.

Hasil Kajian

Antara profesionalisme dan tuntutan industri

Persoalan utama dalam kajian ini ialah apakah etika kewartawanan dan profesionalisme akan dipinggirkan apabila kepentingan industri media diutamakan? Kepentingan industri bermaksud keuntungan dan pendapatan yang boleh diperolehi daripada jualan akhbar. Peningkatan pendapatan penting untuk kemandirian industri media dan juga untuk

menampung perbelanjaan yang dikeluarkan untuk menerbitkan ratusan ribu naskah setiap hari. Pendapatan paling banyak datang dalam bentuk periklanan dan peningkatan pengedaran (*circulation*) dan kadar pembaca (*readership*). Namun hasil kajian temu bual ini yang membuat andaian bahawa kepentingan industri lebih diutamakan berbanding etika dan profesionalisme adalah tidak tepat seperti kata salah seorang responden yang berjawatan Pengarang, "soal kewangan adalah penting tetapi soal melanggar etika adalah lebih penting kerana kita boleh kerugian ratusan ribu kerana disaman dan nama baik akhbar akan tercemar..."

Bagaimanakah organisasi media mencari keseimbangan antara tuntutan profesionalisme dan tuntutan industri? Para responden sependapat bahawa akhbar perlu bertapak kukuh dengan bantuan modal dan keunatungan demi menjaga kemandirian pekerja, profesion dan industri. "Tanpa kewangan yang kukuh bagaimana kami hendak tingkatkan mutu keluaran akhbar, mutu wartawan dan membayar gaji wartawan dan staf, menampung kos produksi dan banyak lagi?" demikian dikemukakan oleh para responden. Hakikatnya, kata para responden, organisasi akhbar atau media adalah suatu syarikat perniagaan. "Akhbar bukanlah pertubuhan bukan kerajaan atau NGO yang beroperasi tanpa keuntungan..." kata Ketua Pengarang Kumpulan sebuah akhbar nasional berbahasa Inggeris. Tetapi dalam menjalankan perniagaan itu, aspek profesionalisme dan kredibiliti tidak diketepikan. Apabila berlaku pertembungan antara wang dan profesionalisme, maka profesionalisme yang dipertahankan. Kata seorang Ketua Pengarang: "katakanlah sesebuah syarikat melabur banyak wang dalam akhbar kami tetapi pada satu masa ia terlibat dalam kes penyelewengan, sama ada dia syarikat besar atau tidak ataupun syarikat yang melabur banyak wang dalam akhbar kami... kami tetap melaporkannya kepada publik kerana itu tanggungjawab kami."

Isu profesionalisme

Hasil temu bual menunjukkan kesemua responden terdiri daripada pemimpin media yang memastikan sesuatu berita layak disiarkan atau pun tidak; dan menentukan sesuatu berita layak diletakkan di halaman satu akhbar atau pun di

halaman dalam, secara serius menganggap etika kewartawanan adalah amat penting sekali dalam memartabatkan tahap profesionalisme para wartawan. Semua responden yang ditemu bual berpendapat bahawa etika adalah asas yang perlu diketahui oleh semua wartawan yang bertugas mencari dan melaporkan berita. Berdasarkan hasil temu bual, didapati hampir kesemua wartawan di tujuh organisasi akhbar yang dikaji diberi taklimat mengenai etika dan pemantauan performans mereka dalam taklimat media yang diadakan setiap minggu atau setiap bulan. Hasil kajian ini menunjukkan ada peningkatan dari segi sensitiviti wartawan terhadap etika. Dapatan kajian ini menunjukkan satu peningkatan yang baik jika dibanding dengan keadaan pangamalan etika di kalangan wartawan tempatan kira-kira 12 tahun yang lalu (*lihat Faridah et al. 2000*).

Setiap hari ketua-ketua bahagian akan menghadiri mesyuarat untuk memantau dan menilai liputan berita yang telah dihasilkan dan akan diliputi. Perkara-perkara penting seperti isu etika, *slant* berita, isu dan kategori berita yang diliputi, pemilihan gambar, berita *scoop*, berita yang tidak diliputi (*missed stories*) dan berbagai-bagai isu yang diutarakan dalam mesyuarat yang memakan masa setengah hingga satu jam di sebelah pagi. Ada akhbar yang hanya mengadakan mesyuarat sedemikian di sebelah petang sahaja. Namun kebanyakan akhbar mengadakan mesyuarat yang digelar "*daily prayers*" itu di sebelah pagi dan petang.

Apa yang ketara dari segi sensitiviti dalam liputan berita ialah isu-isu yang boleh memecahbelahkan perpaduan. Semua responden berpandangan bahawa wartawan mereka sudah arif tentang sempadan sensitiviti yang tidak boleh mereka langgar. Perkara yang boleh menyemarakkan semangat perkauman, menimbulkan kekacauan serta mengancam keselamatan negara merupakan isu-isu sensitif yang tidak akan disentuh. Isu-isu yang bersangkutan paut dengan hubungan antarabangsa yang sensitif akan diliputi jika mendapat kebenaran dari pihak atasan.

Kesemua responden yang ditemui berpendapat bahawa tahap profesionalisme wartawan mereka telah meningkat dalam beberapa bidang seperti politik dan ekonomi. Ini kerana lebih ramai wartawan terlatih dalam bidang ini. Hampir semua wartawan yang diambil menyertai organisasi media adalah lulusan universiti atau institusi sekurang-

kurangnya mempunyai diploma dalam bidang media atau kewartawanan. Paling ramai adalah yang berijazah sarjana muda. Terdapat juga tren wartawan yang sudah bekerja mengambil cuti belajar atau secara sambilan melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana di universiti tempatan atau luar negara. Ini ditekankan oleh salah seorang responden: "Dalam liputan berita politik, lebih banyak pihak diliputi, tidak kira pihak pemerintah atau pembangkang; lebih banyak isu dan pendapat dipetik dan lebih banyak berita politik yang disiarkan. Yang penting kita menilai idea yang bernas dan bijak iaitu apa yang dikata dan bukan siapa yang berkata..."

Para wartawan yang keluar mencari berita juga lebih gigih mencari maklumat dari pelbagai sudut dan menggunakan pelbagai lapisan sumber berita. Dengan cara ini penyampaian berita adalah lebih seimbang iaitu mengambil kira sudut pandangan pelbagai pihak yang penting.

Dari segi autonomi, kesemua responden yang ditemui berpendapat bahawa wartawan diberi kebebasan untuk menghasilkan apa yang diperolehi tetapi berita-berita yang membabitkan soal dasar serta isu sensitif akan diteliti agar apa yang disampaikan adalah tepat dan menepati dengan dasar editorial surat khabar masing-masing seperti yang ditekankan oleh seorang pengarang berita dari sebuah akhbar berbahasa Melayu: "Kami dikecam kerana terlalu mengkritik filem *Embun...* tetapi apa yang berlaku ialah berlaku banyak sangat ketakselarasan fakta mengenai filem itu dari segi perbelanjaan dan kajiselidik bahan serta adegan-adegan yang mengaibkan... ini perlu ditegur kerana perbelanjaan filem itu adalah hasil duit rakyat iaitu disalurkan melalui Kementerian Penerangan dan FINAS dalam bentuk dana... jadi kita mahu ketepatan dari segi perbelanjaan dan ketepatan dari segi fakta filem yang dipersembahkan... ini juga untuk panduan para pengarah dan penerbit akan datang yang mengguna dana yang sama."

Menurut seorang lagi responden dari akhbar nasional berbahasa Melayu yang berpangkat Ketua Pengarang, terdapat juga suara dari para pembaca dan pengkritik media yang mengatakan akhbar banyak mensensasikan isu-isu yang hangat dan menarik. Sesuatu berita yang menarik seperti kes Ras Adiba Radzi dibincangkan sampai berbulan-bulan. Oleh sebab Ras Adiba adalah selebriti dan mempunyai peminatnya yang tersendiri, berita tentang kesihatan dan penyakitnya meraih simpati oleh segenap lapisan masyarakat. Kemudian

timbul soal asetnya yang ratusan ribu dan soal derma yang diperolehi. Mengenai perkara ini salah responden yang juga Pengarang Berita sebuah akhbar harian berbahasa Melayu menyatakan cerita Ras terlalu diheboh-hebohkan oleh media popular seperti akhbar-akhbar tabloid mingguan kerana masing-masing meraih keuntungan dari isu sensasi seperti ini. Beliau sendiri tidak bersetuju dengan gelagat sesetengah media tabloid. "Akhbar aliran perdana agak "terkawal" dalam hal ini," katanya. Apa yang disuarakan oleh kebanyakan media aliran perdana adalah fakta yang boleh membantu seseorang itu. Responden tersebut memberitahu bahawa bukan sahaja cerita Ras malah banyak lagi cerita lain seperti kanak-kanak jantung berlubang, pesakit leukemia yang memerlukan bantuan dan seumpamanya yang dimuatkan dalam akhbaranya sekadar untuk mendapatkan bantuan daripada orang ramai.

Apakah salah dari segi etika dimuatkan berita-berita begini? Kesemua responden mengatakan "tidak" tetapi berita yang disiarkan itu janganlah sampai disensasikan dan disiarkan berbulan-bulan. Kes Ras Adiba terlalu diperbesarkan dan terdapat berita-berita yang bertentangan dari segi etika dan merupakan *invasion of privacy* iaitu melanggar batasan hak semendirinya seseorang. "Saya sentiasa ingatkan wartawan-wartawan saya mengenai perkara ini," katanya. Di samping itu, para responden juga menyatakan pihak mereka sentiasa membincangkan perkara-perkara yang menyentuh etika dalam mesyuarat-mesyuarat editorial mereka dan perkara seperti nilai berita dan isu sensasi; *bad taste versus news value* sentiasa disentuh.

Satu lagi kes yang diutarakan ialah kes Noor Suzaily, jurutera komputer yang menjadi mangsa rogol dan dibunuh di Klang beberapa tahun lalu. Berita mengenai kes tersebut dimuatkan dalam akhbar hingga berbulan-bulan lamanya dan berbagai-bagai pihak "menangguk di air yang keruh". Persoalannya apakah pihak media keterlaluan dalam menyiarkan kes rogol tersebut dan menyiarkan gambar-gambar mangsa dan keluarga dengan sesuka hati dan sewenang-wenangnya? Kepada persoalan ini, seorang Pengarang akhbar berbahasa Melayu yang ditemui memberitahu bahawa sebenarnya dalam Kod Etika Kewartawanan di negara ini, tiada disebut kes rogol seperti yang disebut dalam beberapa Kod Etika di negara lain seperti

Filipina. Maka apa yang berlaku ialah pengarang semua akhbar menggunakan budi bicara masing-masing dan melihat kepada matlamat penyiaran berita tersebut. Sebenarnya, pihak media telah pun mendapat kebenaran daripada pihak polis dan keluarga mangsa untuk menyiarkan gambar mangsa. Terdapat banyak kes rogol lain yang mana kebenaran ini tidak diperolehi maka hanya disebut dalam berita berdasarkan laporan polis iaitu mengenai apa yang berlaku, siapa yang terlibat, di mana dan bila. Dalam hal ini gambar tidak disiarkan sehingga kes dibawa ke mahkamah. Bagaimanapun kes Noor Suzaily disiarkan secara berleluasa. Kenapa? Jawapan yang diberikan oleh beberapa pengurus media yang ditemui ialah supaya ia menjadi teladan dan peringatan kepada orang ramai. Selain itu untuk mendesak pihak-pihak tertentu seperti pihak syarikat pengangkutan awam, pihak polis, pihak keselamatan dan sebagainya mempertingkatkan usaha dan strategi mengawal kejadian seumpama itu daripada berlaku lagi.

Proses suntingan

Untuk menjaga ketepatan dan kesahihan dari segi penggunaan maklumat daripada sumber dan penulisan berita, maka semua berita yang dihasilkan oleh wartawan perlu melalui proses suntingan. "Ini bukan untuk menyekat kebebasan wartawan," jelas seorang Pengarang Eksekutif dari sebuah akhbar berbahasa Cina. "Ini adalah untuk menjaga ketepatan," katanya. Beberapa orang responden lain pula sependapat dengan beliau dan mengatakan bahawa jika berita itu membabitkan kerajaan, mereka akan membuat bandingan antara liputan oleh wartawan mereka dengan berita yang disalurkan oleh Agensi Berita Nasional, Bernama. "Sekiranya saya sangsikan ketepatan berita yang ditulis oleh wartawan organisasi saya, maka saya akan mendapatkan maklumat lanjut ataupun mengguna berita Bernama," kata seorang responden dari akhbar berbahasa Inggeris.

Dalam ertikata lain, para responden berpendapat bahawa wartawan era baru ini perlu lebih peka terhadap tuntutan profesionalisme yang memerlukan berita yang objektif, tepat dan bertanggungjawab. Untuk menyelaras tugas dan tanggungjawab ratusan wartawan, pengaran, penyunting, jurukamera dan sebagainya, maka adalah perlu organisasi media mewujudkan suatu bentuk peraturan dalaman, seperti

kod etika dan dasar editorial, yang boleh dijadikan panduan kepada para pegamal media. Walaupun peraturan ini digunakan secara longgar dan tidaklah tegar seperti undang-undang media, tetapi ia adalah penting diambil kira dan dirujuk di setiap peringkat penghasilan berita, demi menjaga dan mempertahankan kredibiliti media.

Falsafah etika

Sistem media di negara ini banyak mengikut sistem pemerintahan di negara ini yang mendukung prinsip demokrasi. Bila ditanya apakah pendirian akhbar terhadap kerajaan, semua reponden mempunyai pandangan bahawa mereka menyokong kerajaan yang memerintah. Seperti negara-negara lain yang mempunyai sistem media yang tersendiri contohnya Rusia dengan system komunis, Amerika Syarikat dan Great Britain dengan sistem tanggungjawab sosial, negara ini mengamalkan sistem pembangunan. Jika dilihat dari segi falsafah etika, sistem media di dunia ini diibaratkan pokok yang mempunyai ranting-ranting yang berlainan tetapi batang pokok itu tetap sama. Sistem media yang diibaratkan batang pokok ini mendukung tujuan atau niat sepunya. Menurut Siebert et al. (1956) sesuatu sistem yang diamalkan oleh sesebuah negara itu mempunyai tujuan yang baik meskipun sistem itu tidak digemari oleh orang ramai.

Menyentuh falsafah etika di negara ini, didapati konsep etika situasionis lebih banyak dipraktikkan oleh wartawan dan pengarang di negara ini. Sesuatu kejadian atau isu dilayan berdasarkan ukuran nilai berita yang merangkumi kepentingan sumber dalam berita, kepentingan isu, kesemasaan, kedekatan (*proximity*), konflik, kontroversi, luar biasa, minat ramai, situasi dan sebagainya. Sesuatu isu yang sama umpamanya kes rogol dilayan secara berbeza mengikut keadaan.

Peranan teknologi

Pengaruh teknologi juga tidak dapat diketepikan bila membicarakan etika dan tanggungjawab. Hari ini semua bilik berita disediakan dengan prasarana teknologi yang canggih. Kalau dahulu wartawan mencari maklumat latar mengenai sesuatu isu yang hendak diliputi melalui keratan akhbar di perpustakaan akhbar yang dipanggil *morgue*, kini mereka

memperolehi maklumat secara *online* dengan begitu pantas. Justeru, fakta dapat disahkan melalui maklumat yang boleh dicapai dari pangkalan data. Proses ini membantu dalam memperkemas fakta dan juga untuk menyemak ketepatan. Wartawan juga lebih bersedia untuk bertemu dan bersoal jawab dengan sumber yang sering kali terdiri daripada tokoh-tokoh penting yang berpengetahuan.

Kepantasan dalam membuat rujukan juga membantu wartawan menghasilkan berita dengan lebih cepat, tepat dan juga lebih banyak. Kejadian seperti tragedi September 11 di New York dapat diliputi dengan lebih cepat. Di sini wartawan mampu menggunakan sumber pelbagai peringkat atau *multilevel sources* dengan adanya teknologi maklumat atau ICT.

Menurut salah seorang Ketua Pengarang yang ditemui, ICT membantu mempercepatkan proses pengeluaran berita. Bila berlaku kejadian seperti September 11, berita dapat dikeluarkan dengan cepat melalui persembahan maklumat dari pelbagai sumber seperti berita yang dihasilkan oleh Bernama, koresponden akhbar masing-masing, agensi berita antarabangsa seperti Reuters, Associated Press (AP), Agence France Press (AFP), Cable News Network (CNN) dan banyak lagi. Maklumat-maklumat ini datang dengan sekelip mata melalui teknologi Internet.

Menyedari hakikat ini, maka para wartawan dilatih mengguna teknologi terkini bagi membolehkan mereka berfungsi dengan lebih efisien lagi. Menurut para responden, walaupun latihan adalah sesuatu yang tinggi kosnya tetapi memahirkan wartawan dan menambahkan ilmu pengetahuan wartawan adalah sesuatu yang penting. Mungkin latihan tidak dapat meliputi kesemua bidang yang perlu diketahui oleh wartawan tetapi latihan mampu mengembangkan minda wartawan dan membuat mereka lebih peka terhadap perkembangan teknologi dan ilmu sekeliling. Melalui pemahaman yang mendalam mengenai kuasa dan potensi teknologi komputer, para wartawan dapat menyesuaikan diri kepada realiti dunia siber dan era maklumat ini.

Kesimpulan

Kajian mengenai etika dan profesionalisme bersifat kompleks dan agak relatif. Walau bagaimanapun ukuran profesionalisme yang digariskan oleh ramai sarjana seperti Hawley dan

McLeod, Nayman dan Carr-Saunders jelas menonjol dalam tren kewartawanan masa kini. Organisasi media kini mementingkan soal etika, autonomi wartawan, latar belakang pendidikan dan pengalaman serta iltizam/komitmen wartawan. Tuntutan industri yang mengutamakan keuntungan walaupun faktor yang penting tetapi tuntutan profesionalisme sentiasa menandingi tuntutan industri. Falsafah etika situasi yang menjadi pegangan ramai wartawan di negara ini dirasakan bersesuaian dengan matlamat sistem media dalam negara yang pesat membangun. Dalam keadaan ini media perlu beroperasi berlandaskan etika dan undang-undang media kerana tanpa landasan ini wartawan mudah terpesong dari landasan profesionalisme.

Faridah Ibrahim (Ph.D) adalah Profesor Madya dan Ketua Program Komunikasi Media di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Komunikasi Keorganisasian dan Kewartawanan.

Penulis

Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Etika Gunaan dan Profesional 2002, 9-10 Oktober 2002 anjuran Pusat Pengajian Umum, UKM bertempat di UKM, Bangi.

Asia Sarji, Faridah Ibrahim & Mazni Buyong. 1999. *Pola pengamalan profesionalisme dalam industri filem Malaysia*. Kuala Lumpur: FINAS.

Rujukan

Carr-Saunders, A.M. & Wilson, P.A. 1953. *The professions*. Oxford: Clarendon Press.

Choong Kar Er. 1998. *Profesionalisme di kalangan pengamal wanita dalam bidang periklanan di Malaysia*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Faridah Ibrahim. 2002. *Cyber journalism: bridging the gap between professionalism and epistemology*. Kertas kerja yang dibentang di Persidangan IAMCR, Barcelona, Sepanyol, 21-26 Julai 2002.

Faridah Ibrahim. 1995. Participation in newsroom decision-making: a study in role stress. *Jurnal Komunikasi* 11:45-59.

Faridah Ibrahim. 1992. Women, development and the mass media. *Jurnal Komunikasi*, 8:67-71.

Faridah Ibrahim. 1990. Wartawan wanita dalam pengurusan bilik berita. *Jurnal Komunikasi*, 6:43-50.

Faridah Ibrahim, Mohd Rajib Ab Ghani & Mohd Adnan Hashim. 2000. Falsafah etika kewartawanan di Malaysia. Dlm. Faridah Ibrahim & Mus Chairil Samani (pnyt.) *Etika kewartawanan*. Edisi ke-2. Subang Jaya: F.A.R. Publishers. Ms. 1-33.

- Faridah Ibrahim, K.E. Choong dan J.L. Ler. 2000. Profesionalisme dan wanita: suatu perbandingan antara pengamal periklanan dan wartawan. *Jurnal Komunikasi*, Jili 16. 2000, ms 177-197.
- Fidalgo, J. 2002. *The ombudsman's role in the eyes of the newsroom*. Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan IAMCR, Barcelona, Sepanyol, 21-26 Julai 2002.
- Greenwood, E. 1957. Attributes of a profession. *Social Work* 2:45-55.
- Harries-Jenkins, G. 1970. Professionals in organizations. Dlm J.A. Jackson (pnyt.) *Professions and professionalisation*. London: Cambridge University Press. 51-10.
- Jackson, J.A. 1970. *Professions and professionalisation*. London: Cambridge University Press. 51-10.
- Joseph, B. 2002. *Ethics as regulatory mechanism?* Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan IAMCR, Barcelona, Sepanyol, 21-26 Julai 2002.
- Leggart, T. 1970. Teaching as a profession. Dlm J.A. Jackson (pnyt.) *Professions and professionalisation*. London: Cambridge University Press. 153-178.
- Ler Joo Lee. 1999. *Profesionalisme di kalangan wartawan wanita di Malaysia*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- McLeod, J.M. & Hawley, J.R. 1964. Professionalisation among newsmen. *Journalism Quarterly* 55:329-538.
- Mohd Helmi Abdul Rahim & Lau Seng Yee. 1992. *Profesionalisme dalam perkhidmatan agensi-agensi periklanan di Malaysia*. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mus Chairil Samani. 2000. Pemberita: profesional atau pekerjaan? Faridah Ibrahim & Mus Chairil Samani (pnyt.) *Etika kewartawanan*. Edisi ke-2. Subang Jaya: F.A.R. Publishers. Ms. 89-102.
- Rahmah Hashim & Fuziah Kartini Hassan Basri. 1996. *Wanita dalam organisasi media cetak*. Bangi: Jabatan Komunikasi, UKM.
- Nayman, O.B. 1973. Professional orientations of journalists: an introduction to communicators analysis studies. *Gazette XIX*:195-212.
- Schmidt, W.H. & Posner, B.Z. 1982. Value: the silent power. Dlm. W.H. Schmidt & B.Z. Posner (pnyt.) *Managerial values and expectations: the silent power in personal and organizational life*. New York: AMA. 12-16.
- Slattery, K. & Fosdick, J. 1979. Professionalism in photojournalism: a female/male comparison. *Journalism Quarterly* 56 (2): 243-247.